

# MASAKAN PERLIS

## Dipromosikan Di Aceh



Bersempena dengan program Kembara Ilmu di Bumi Aceh, delegasi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang diketuai oleh Canselornya, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail turut mengambil peluang mempromosikan masakan Perlis di Aceh. Promosi tersebut merupakan sebahagian daripada agenda wajib yang merupakan inisiatif Canselor sendiri dalam setiap rangka kerja lawatan baginda ke luar negara bagi membantu menarik kunjungan pelancong ke Malaysia khususnya Perlis.

Antara masakan yang dipromosikan ialah, Nasi Kerabu, Buah Melaka, Pulut Ikan Masin serta Mee Kuah Tulang yang menggunakan produk keluaran UniMAP iaitu MeeGo yang dihasilkan daripada tepung berasaskan mangga. Ia diadakan bersempena Jamuan Petang Mee dan Kopi Aceh yang dianjurkan oleh Universitas Ubudiyah Indonesia (UII) bersebelahan Sungai Alue Naga yang terletak berhadapan kampus UII.